

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK**Tarikh : hh/ bb/tt(Untuk diisi oleh Cawangan)**

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran program AgroPrimaS.

1. Apakah produk ini?

AgroPrimaS adalah sebuah program; sub produk kepada produk Deposit Berjangka (*FRIA-i*) yang sedia ada. Produk ini diwujudkan khas sebagai produk Deposit Kos Rendah yang dipasarkan melalui Program Sahabat Agro.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk ini mengguna pakai transaksi Tawarruq sebagai konsep Syariah. Melalui transaksi Tawarruq, pihak pelanggan melantik Bank sebagai wakil untuk mengurus niaga bagi pihak pelanggan berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui. Bank sebagai wakil pelanggan membeli komoditi (minyak kelapa sawit mentah atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada broker dengan harga kos. Seterusnya komoditi tersebut akan dijual kepada Bank oleh pelanggan dengan harga kos dicampur dengan keuntungan (Murabahah) dengan bayaran tertangguh. Bank kemudiannya menjual komoditi kepada broker lain dan memperolehi wang tunai hasil jualan tersebut. Pembayaran akan dibuat kepada pelanggan mengikut tarikh yang telah ditentukan. Komoditi yang diguna pakai bagi tujuan transaksi Tawarruq tertakluk kepada komoditi broker.

3. Apakah yang ditawarkan melalui produk ini?

Produk ini menawarkan kemudahan deposit berjangka dengan ciri-ciri kemudahan seperti berikut:-

Jenis Bayaran Keuntungan	Keuntungan dibayar pada tempoh matang.
Tempoh	12 bulan
Amaun Permulaan Minimum	Individu & Bukan Individu – RM 500 bagi tempoh 12 bulan
Kadar Keuntungan	0.25% setahun

Nota : Sebarang perubahan tertakluk kepada budi bicara Bank

4. Apakah terma dan syarat utama yang perlu Pelanggan tahu?

- i. Terbuka kepada individu dan bukan individu
- ii. Bagi akaun baru :
 - Jika pengeluaran 3 bulan dan ke bawah : Tiada keuntungan akan dibayar kepada pelanggan dan pelanggan hendaklah menanggung Fi Broker.
 - Jika pengeluaran dibuat selepas 3 bulan tetapi sebelum tempoh matang : Keuntungan akan dibayar secara pro-rata kepada pelanggan dan pelanggan tidak menanggung Fi Broker.
- iii. Bagi pembaharuan akaun :
 - Jika pengeluaran 3 bulan dan ke bawah, tiada keuntungan akan dibayar kepada pelanggan dan pelanggan tidak perlu menanggung Fi Broker.
 - Jika pengeluaran dibuat selepas 3 bulan tetapi sebelum tempoh matang, keuntungan akan dibayar secara pro-rata kepada pelanggan dan pelanggan tidak menanggung Fi Broker.
- iv. Pembaharuan secara automatik adalah dibenarkan. Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank sebagai wakil untuk memperbaharui deposit berjangka bagi pihak pelanggan apabila deposit berjangka matang.

5. Apakah yuran dan caj yang harus dibayar oleh Pelanggan?

Jenis Yuran	Maklumat Yuran
Fi broker (Pengeluaran kurang daripada 3 bulan)	Fi broker akan dicaj sebanyak 0.05% dari jumlah deposit berjangka atau RM 50.00 yang mana satu lebih rendah.
Penggantian Sijil Deposit Berjangka yang hilang/rosak	Duti setem RM10.00 bagi Surat Indemniti dan RM5.00 setiap sijil akan dikenakan.

Nota:

- Bank akan menghantar notis sekurang-kurangnya 21 hari kepada Pelanggan sebelum apa-apa perubahan dibuat terhadap yuran dan caj.

6. Apakah risiko yang terlibat?

Sekiranya pengeluaran pramatang dibuat dalam tempoh 3 bulan dan ke bawah, pelanggan bakal menghadapi risiko iaitu tidak layak mendapat keuntungan dan dikenakan fi broker.

7. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi?

Adalah penting bagi pelanggan untuk memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi pelanggan untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya.

Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

- Tel : 1-300-88-2476 • E-mel : customer@agrobank.com.my • Faks: 603-2691 7790

8. Dimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila kunjungi mana-mana cawangan Agrobank berdekatan atau hubungi Bank di:

Bangunan Agrobank, Lebuhraya Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur

- Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: customer@agrobank.com.my

9. Apakah produk pelaburan lain yang ditawarkan?

- *Fixed Return Islamic Account-i (FRIA-i)*
- *Fixed Return Islamic Account-i 45Plus (FRIA-i 45Plus)*

10. Bolehkah pelanggan membuka akaun secara *online*?

Ya. Permohonan Pembukaan Akaun secara *online* boleh dilakukan dengan melayari laman web Agrobank www.agrobank.com.my tertakluk kepada terma & syarat seperti berikut:

Ciri-ciri Perkhidmatan

10.1 Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pelanggan baru dan sedia ada Bank yang ingin memohon pembukaan akaun secara *online* melalui Laman Web Korporat Bank di www.agrobank.com.my melalui "*Open Now Banner*" untuk Pembukaan Akaun Secara *Online*.

10.2 Perkhidmatan ini tersedia melalui Laman Web Korporat Bank dari 4.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam, tujuh (7) hari seminggu kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat atau Lembaran Maklumat Produk atau notis dalam Laman Web Korporat Bank.

- 10.3 Perkhidmatan Pembukaan Akaun Secara *Online* adalah terpakai kepada semua INDIVIDU WARGA MALAYSIA SAHAJA yang mencapai umur minima lapan belas (18) tahun dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah iaitu MyKAD ATAU MyTENTERA.
- 10.4 BUKAN WARGANEGARA / PENDUDUK TETAP ATAU BUKAN PENDUDUK TETAP (NON-CITIZEN/NON-RESIDENT/PERMANENT RESIDENT) yang memiliki PASSPORT, MyPR, MyKAS atau selain daripada MyKAD/MyTENTERA adalah tidak dibenarkan untuk membuka akaun secara *online*. Walaubagaimanapun, pelanggan yang dinyatakan di sini boleh melawat cawangan terdekat Agrobank untuk pembukaan akaun deposit tertakluk kepada dasar semasa Bank.
- 10.5 HANYA AKAUN INDIVIDU SAHAJA YANG DITAWARKAN. AKAUN KANAK-KANAK, BERSAMA, PEMEGANG AMANAH DAN BUKAN INDIVIDU ADALAH TIDAK DITAWARKAN UNTUK DIBUKA SECARA *ONLINE*.
- 10.6 Jenis akaun yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Jenis Akaun (Penyata)	Deposit Permulaan	Baki Minimum
Simpanan – Agro Perdana-i	<ul style="list-style-type: none">Minimum – RM 100Maksimum – RM 200	RM100
Deposit Berjangka –Agro PrimaS	<ul style="list-style-type: none">Minimum – RM 100Maksimum – RM 200	RM500

- 10.7 Dengan melanggan perkhidmatan ini, Pelanggan bersetuju dan mematuhi Terma & Syarat Pembukaan Akaun Deposit dan / atau Lembaran Maklumat Produk Deposit Berjangka seperti yang dinyatakan di dalam laman web Bank.
- 10.8 Pelanggan juga boleh menyertai keahlian Sahabat Agro semasa membuat permohonan *online*. Maklumat program keahlian boleh dirujuk kepada Terma dan Syarat Keahlian Sahabat Agro di laman web Bank www.agrobank.com.my atau setelah Pelanggan memohon produk tersebut, Pelanggan dikehendaki membaca dan memahami terma & syarat tersebut.
- 10.9 Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak permohonan Pembukaan Akaun Secara *Online* pelanggan tanpa memberikan sebarang sebab atau justifikasi terhadap keputusan tersebut. Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang pembukaan akaun yang melanggar mana-mana polisi produk seperti yang dinyatakan dalam Terma & Syarat dan Lembaran Maklumat Produk. Jika nama Pelanggan mempunyai padanan pada AML / CFT, sistem tidak akan membenarkan Pelanggan untuk memohon secara *online* dan dinasihatkan Pelanggan untuk melawat cawangan bagi pertanyaan lanjut.
- 10.10 Sekiranya pembukaan akaun secara *online* pelanggan diterima oleh Bank, Pelanggan akan meneruskan pembayaran deposit permulaan seperti yang dinyatakan di bawah klausa 10.6 semasa permohonan *online*.
- 10.11 Pelanggan masih dikehendaki hadir ke cawangan Bank seperti yang dipilih oleh pelanggan semasa permohonan secara *online* dalam masa 7 hari bekerja untuk tujuan pengesahan akaun, penciptaan dan pengaktifan.

Bayaran Deposit Awal

- 10.12 Pelanggan dikehendaki membuat pembayaran deposit secara *online* menerusi platform Gerbang Pembayaran Webcash/Kiple yang dipautkan di Borang Pembukaan Akaun Secara *Online* untuk Pelanggan melakukan pemindahan wang secara *online*.

- 10.13 Pelanggan akan dimaklumkan melalui SMS atas pemberitahuan bahawa bank telah menerima deposit awal.
- 10.14 Bayaran deposit permulaan oleh pelanggan akan dikreditkan oleh Webcash/Kiple ke Akaun Pengumpulan Atas Talian Agrobank melalui Inter Bank GIRO (tetingkap IBG) seperti di bawah:
- i. Untuk pemindahan wang sebelum atau pada 9.00 pagi, Bank akan menerima pemindahan wang pada 5.00 petang hari perniagaan yang sama. Pelanggan boleh menghadirkan diri ke cawangan pada hari perniagaan berikutnya.
 - ii. Untuk pemindahan wang yang berjaya antara 9.01 pagi sehingga 3.00 petang, Bank akan menerima pemindahan wang pada 11.00 malam hari perniagaan yang sama. Pelanggan boleh menghadirkan diri ke cawangan pada hari perniagaan berikutnya.
 - iii. Untuk pemindahan wang berjaya selepas 3.00 petang, Bank akan menerima pemindahan wang pada 5.00 petang hari perniagaan berikutnya (T + 2). Oleh itu, pelanggan boleh menghadirkan diri ke cawangan selepas 2 hari perniagaan.
- 10.15 Setelah wang dikreditkan ke Akaun Koleksi Agrobank CASA, sistem akan memindahkan deposit awal daripada akaun Pengumpulan Agrobank CASA ke akaun (*General Ledger (GL) / suspense*). Pelanggan akan menerima pemberitahuan melalui SMS dan e-mel yang memaklumkan Pelanggan untuk hadir dalam masa tujuh (7) hari perniagaan.
- 10.16 Apabila pelanggan hadir ke cawangan untuk pengesahan, penciptaan dan proses pengaktifan, maka amaun tersebut akan dipindahkan ke akaun Pelanggan iaitu akaun Simpanan / Deposit Berjangka. Sebaik sahaja ia dipindahkan ke akaun pelanggan, Bank boleh menggunakan deposit tersebut bergantung kepada tujuan akaun masing-masing.
- 10.17 Sekiranya akaun Pengumpulan Agrobank CASA tidak boleh dikosongkan setiap hari disebabkan oleh sebarang masalah yang tidak dapat dielakkan iaitu gangguan sistem, deposit permulaan akan dianggap sebagai Qard Secara Insidental (Konsep Syariah) sehingga deposit permulaan dikreditkan ke *GL* khas setelah isu selesai atau setelah pendeposit datang kepada Bank untuk pengesahan / pengaktifan akaun, yang mana lebih awal.
- 10.18 Bagi deposit permulaan yang dibuat semasa pembukaan akaun secara *online*, tarikh kemasukan merujuk kepada tarikh pelanggan hadir ke cawangan untuk pengesahan akaun, penciptaan dan pengaktifan.

Bayaran Hibah / Keuntungan

- 10.19 Hibah / Untung (jika ada) akan bermula setelah akaun berjaya dicipta dan diaktifkan oleh pelanggan. Pembayaran deposit awal yang dibuat oleh pelanggan semasa pembukaan akaun secara *online* tidak layak untuk menerima hibah/keuntungan. Pengiraan hibah / keuntungan (jika ada), akan dikira dari tarikh akaun dibuat dan diaktifkan di cawangan Bank. Bank tidak dibenarkan menggunakan deposit permulaan untuk tujuan pelaburan sebelum penciptaan dan pengaktifan akaun di Cawangan.

Proses Pengesahan, Penciptaan dan Pengaktifan Akaun

- 10.20 *Aqad* semasa pembukaan akaun deposit hanya akan disempurnakan apabila pelanggan menghadirkan diri ke cawangan yang telah dipilih untuk pengesahan akaun, penciptaan dan pengaktifan mengikut alamat kediaman / surat menyurat pelanggan seperti tertera di MyKad / Pendaftaran Syarikat / Kad Pelajar).
- 10.21 Pembukaan akaun dalam talian pelanggan tidak boleh diteruskan jika Pelanggan tidak memenuhi perkara berikut: -

- i. Melakukan pengesahan ID dan pengaktifan akaun dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan
 - ii. Menyediakan sebarang dokumen sokongan tambahan yang diperlukan oleh Bank seperti yang diperlukan Bank bagi permohonan akaun secara *online* untuk tujuan mengesahkan ID Pelanggan; atau
 - iii. Memberi maklumat yang tepat; atau
 - iv. Memenuhi sebarang keperluan tambahan oleh Bank untuk pembukaan akaun secara *online*.
- 10.22 Pelanggan dikehendaki memberikan dokumen pengenalan diri yang sah (Mykad / MyTentera) yang akan digunakan oleh Bank untuk proses pengesahan.
- 10.23 Bank tidak boleh meneruskan pembukaan akaun, jika pengesahan cap jari Pelanggan i.e. MyKad / MyTentera rosak dan / atau gagal.
- 10.24 Bank boleh meminta Pelanggan untuk memberikan sebarang dokumen sokongan tambahan untuk mengesahkan ID Pelanggan dan / atau seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan semasa permohonan *online* dan Pelanggan dikehendaki untuk menyediakan dokumen yang diminta dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan sebelum proses pengesahan, penciptaan dan pengaktifan akaun. Sekiranya gagal, permohonan akaun secara *online* Pelanggan akan dibatalkan secara automatik oleh sistem.
- 10.25 Bank tidak akan memberikan apa-apa pengecualian atau lanjutan untuk tujuh (7) hari perniagaan tersebut.

Pengembalian Semula Deposit Awal

- 10.26 Bank akan membayar balik deposit permulaan Pelanggan kepada nombor akaun Pelanggan yang dimasukkan semasa pendaftaran pembukaan akaun berdasarkan perkara berikut:
- a. Kegagalan untuk melawat cawangan untuk pengesahan penuh, penciptaan dan pengaktifan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja, akan menyebabkan pembatalan perkhidmatan dan deposit awal Pelanggan akan dikembalikan pada hari ke-8 pada jam 9.00 pagi setiap hari dan semua caj bayaran perkhidmatan sebanyak RM0.10 akan ditolak daripada deposit awal Pelanggan.
 - b. Dalam mana-mana kes, pelanggan gagal melawat cawangan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja atau pembatalan / penamatan perkhidmatan oleh pelanggan atau Agrobank.
 - c. Jika maklumat yang diberikan oleh Pelanggan semasa permohonan adalah berbeza daripada maklumat dalam dokumen ID yang sah, maka akaun Pelanggan tidak akan dibuka dan akan dibatalkan secara automatik oleh sistem pada hari ke-8 dan deposit awal Pelanggan akan dipulangkan secara automatik kepada Pelanggan.

Deposit awal akan dipulangkan secara automatik ke akaun Pelanggan yang diberikan semasa permohonan dan akan dikembalikan melalui Interbank Giro (IBG) seperti tettingkap / jadual IBG. Pelanggan harus menunggu dana yang akan dipindahkan oleh Bank ke akaun Bank Pelanggan pada jam 5.00 petang / 11.00 malam atau hari perniagaan berikutnya jika hari ke-8 jatuh pada hujung minggu / cuti umum.

Bayaran Balik Manual Deposit Awal

- 11.27 Sekiranya pembayaran balik automatik gagal disebabkan oleh sebarang keadaan, SMS akan dihantar untuk memberitahu Pelanggan untuk melawat cawangan untuk tujuan pembayaran balik manual.
- 11.28 Pelanggan dikehendaki membawa ID sah pelanggan untuk pengesahan identiti dan Penyata Buku / Akaun untuk tujuan pembayaran balik manual.
- 11.29 Bayaran balik manual deposit awal hanya dibenarkan untuk dikembalikan kepada akaun Pelanggan sendiri. Sekiranya Pelanggan tidak membawa Penyata Akaun / Akaun Pelanggan, bayaran balik itu tidak dapat diteruskan dan Pelanggan dikehendaki membuka akaun Agrobank dengan deposit permulaan dan Deposit

awal pelanggan yang dibayar semasa permohonan *online* akan dikembalikan kepada akaun Agrobank yang baru dibuka.

- 11.30 Bayaran balik ke akaun bank lain akan melalui transaksi IBG akan dikenakan (Caj MEP) RM0.10 ditolak dari deposit awal yang dibayar semasa permohonan *online*.
- 11.31 Bank membenarkan maksimum dua (2) kali bayaran balik manual sekiranya pembayaran balik manual pertama gagal disebabkan oleh sebarang keadaan dan tertakluk kepada budi bicara bank.
- 11.32 Deposit awal akan kekal di dalam akaun *GL Bank (suspense account)* dan akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut selepas satu(1) tahun jika pelanggan tidak melawat cawangan untuk menuntut jumlah bayaran balik walaupun setelah peringatan daripada Bank.

Yuran & Caj (Caj Perkhidmatan)

- 11.33 Tiada caj dikenakan kepada pelanggan bagi penggunaan perkhidmatan ini. Tetapi, sekiranya Pelanggan gagal hadir ke Cawangan dalam tempoh 7 hari bekerja, deposit awal akan dikembalikan kepada Pelanggan dan Pelanggan adalah dikenakan caj perkhidmatan seperti berikut;
- i. Bayaran sebanyak RM 0.10 sebagai bayaran perkhidmatan Interbank Giro (IBG) bagi sebarang urusan Bayaran Balik (Pengembalian Automatik / Manual).

Hak Untuk Menolak

- 11.33 Bank dengan ini berhak atas budi bicaranya untuk menolak dan / atau membatalkan permohonan Pelanggan sekiranya Pelanggan tidak memenuhi syarat untuk membuka akaun melalui perkhidmatan pembukaan secara *online*.

12. Di manakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut dan bantuan?

- Jika terdapat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, sila hubungi kami di:
Pusat Khidmat Pelanggan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-2476
Fax: 603-2691 7790
Email: customer@agrobank.com.my
- Di samping itu, Pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Tel: 1-800-22-2575
E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300+88-5465
Faks:603-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan untuk helaian maklumat ini adalah sah pada tarikh notis.

- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon produk ini.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat ini sah **pada dd / mm / yy.**

Penafian:

Pelanggan hendaklah mendapatkan pandangan daripada Penasihat Kewangan Bank di cawangan terdekat sebelum membuat keputusan untuk menerima produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian AgroPrimaS

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Sila hubungi cawangan terdekat atau layari www.agrobank.com.my untuk maklumat lanjut.

Saya / Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Produk seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.

Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	